



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

 Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2018](#) [Petikan Akhbar](#) [Berita Harian - Kos Kerja Atas Tanah MRT2 Jimat RM5.22b: Guan Eng](#)

Berita Harian - Kos Kerja Atas Tanah MRT2 Jimat RM5.22b: Guan Eng

 Isnin, Okt 08 2018



Kos kerja atas tanah MRT2 jimat RM5.22b: Guan Eng

→ Penjimatan dicapai melalui rundingan pengurangan kos rasionalisasi skop kerja

Oleh Mohd Husni Mohd Noor
cnews@nstp.com.my

Putrajaya 84 8/10/18

Kos kerja atas tanah bagi Projek Tren Aliran Transit Massa 2 (MRT 2) la-luan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) berjaya dijimatkan sebanyak 23 peratus atau RM5.22 bilion daripada nilai asalnya sebanyak RM22.64 bilion, hasil rundingan semula dengan rakan pelaksana projek (PDP), Syarikat Usaha Sama MMC-Gamuda.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata penjimatan itu dicapai melalui pengurangan kos dan rasionalisasi skop kerja, yang masih mengekalkan semua stesen atas tanah.

"Kementerian Kewangan dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan, agensi kerajaan

seperti Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) serta pihak swasta menjalankan kos rundingan pengurangan kos Projek MRT2 sejak Mei lalu. Malah, sebuah firma jururunding kejuruteraan turut dilantik bagi menjalankan kajian rasionalisasi kos tersebut.

"Kabinet pada 3 Oktober lalu menerima tawaran dibuat MMC-Gamuda melalui dua surat bertarikh 15 Ogos dan 7 September untuk melaksanakan kerja pembinaan atas tanah MRT2 sebagai kontraktor turnkey dengan kos RM17.42 bilion, berbanding kos asal RM22.64 bilion.

"Penjimatan sebanyak RM5.22 bilion atau 23 peratus dicapai melalui pengurangan kos dan rasionalisasi skop kerja tanpa membatalkan sebarang stesen atas tanah," katanya menerusi satu kenyataan, di sini, semalam.

Putus tamatkan kontrak

Guan Eng berkata, susulan kegagalan kerajaan dan MMC-Gamuda mencapai persetujuan dan penyelesaian untuk kos kerja bawah tanah, Kabinet memutuskan supaya kontrak kerja bawah tanah ditamatkan.

"Kerja yang masih belum disiapkan akan ditender semula melalui kaedah tender terbuka antarabangsa. Kabinet mengambil keputusan itu selepas



Penjimatan kos projek ini juga akan mengurangkan kadar tambang yang perlu dibayar oleh pengguna MRT, sekali gus meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dalam kalangan penduduk di Lembah Klang"

Lim Guan Eng,
Menteri Kewangan

mempertimbangkan penjimatan tambahan yang akan diperolehi melalui tender terbuka, berbanding dengan tawaran pihak kontraktor," katanya.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat kerana kerajaan mahu mendapatkan nilai penjimatan bagi semua perbelanjaan, terutama apabila projek melibatkan pinjaman yang besar.

Kurang beban hutang

Katanya, penjimatan berbilion ringgit dapat mengurangkan beban hutang dan faedah ditanggung kerajaan, di mana akhirnya ia perlu dibiayai melalui pengenaan cukai ke atas rakyat pada masa hadapan.

"Penjimatan kos projek ini akan mengurangkan kadar tambang yang perlu dibayar pengguna MRT, sekali gus meningkatkan penggunaan pengangkutan awam di kalangan penduduk di Lembah Klang," katanya.

Projek MRT2 diluluskan Kabinet pada 26 Februari 2014 dengan anggaran kos awal RM28 bilion, tidak termasuk fi perunding, fi PDP, faedah pinjaman dan kos operasi MRTCo.

MRT2 mula dibina pada September 2016 dan dijangka siap pada Julai 2022. Menurut rancangan awal, ia bakal memiliki 35 stesen, termasuk 11 stesen bawah tanah, dengan laluan sepanjang 52.2 kilometer.



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

